



Jujur dan Amanah Laksanakan Tanggungjawab

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.
Bismillahir Rahmanir Rahim.

Persidangan Dewan Negara pada hari ini adalah persidangan yang terakhir bagi tahun ini. Tetapi bagi Yang Amat Berbahagia Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja Tun Haji Syed Zahiruddin bin Syed Hassan, ini adalah persidangan yang pertama. Nampaknya, beliau bersama-sama kita untuk menyambut tahun 1985. Kepada beliau, Beta ucapkan selamat datang. Beta yakin, dengan pengalaman beliau yang luas, sebagai pegawai kerajaan dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri, beliau akan dapat menyumbangkan buah fikiran yang bernas dalam Dewan yang mulia ini.

Beta juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tengku-

Titah Ucapan sempena Persidangan yang ke-III Dewan Negara Perak di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak, 28hb. Disember 1984.



Tengku, Dato' Sri-Dato' Sri, Dato'-Dato' dan tuan-tuan sekalian atas perkhidmatan sepanjang tahun 1984. Nasihat dan pandangan yang dikemukakan amatlah besar ertinya kepada Beta, terutama sekali dalam tahun pertama Beta menaiki Takhta Kerajaan Negeri Perak. Beta berharap Ahli-ahli Dewan Negara sekalian akan terus memberi perkhidmatan yang cemerlang pada masa hadapan.

“Kejatuhan sistem beraja bukanlah kerana sistem itu tidak baik, tetapi kerana penyalahgunaan kuasa, tidak bertimbang rasa dan persengketaan sesama sendiri.”

Tahun 1985, yang akan kita sambut tiga hari lagi akan merupakan satu tahun yang sibuk dan penting bagi kita semua. Ini adalah kerana istiadat pertabalan akan diadakan pada tahun itu. Memanglah banyak perkara yang perlu dilakukan dan banyak masalah yang akan timbul dalam membuat persiapan istiadat itu.

Beta berharap Ahli-ahli Dewan Negara sekalian akan memberi kerjasama sepenuhnya untuk menjayakan istiadat tersebut. Adalah amat penting agar kita semua bekerja sebagai satu pasukan. Walaupun ada apa-apa perselisihan faham, baik berkenaan dengan adat istiadat atau apa juga, ia hendaklah diselesaikan dengan saksama tanpa diheboh-hebohkan.

Adalah amat penting bahawa kita menampakkan kesatuan yang erat, persefahaman yang mendalam dan teladan yang baik, supaya rakyat akan sentiasa menghormati sistem beraja di negara kita. Kejatuhan sistem beraja bukanlah kerana sistem itu tidak baik, tetapi kerana penyalahgunaan kuasa, tidak bertimbang rasa dan persengketaan sesama sendiri.

Hal ini adalah lebih benar pada zaman moden ini, di mana rakyat adalah terpelajar dan tahu hak-hak mereka serta tanggungjawab kita. Maka, kita mestilah membuktikan bahawa kita layak memegang jawatan yang kita pegang.



Oleh itu, marilah kita sama-sama menjalankan tugas yang diamanahkan oleh Allah s.w.t. dan rakyat kepada kita itu dengan sebaik-baiknya.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

